



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR
TINGKAT 8 & 11, MENARA TABUNG HAJI
AYER MOLEK
80720 JOHOR BAHRU

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj Kami: ANM.JB (A) 70/14 JLD 3(02)
Tarikh : 07 Mac 2021
23 Rejab 1442H

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICISS RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

- Untuk makluman YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran di PTJ supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.
- Sehubungan itu, pemantauan dan semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) perlu dilakukan secara harian. Sebarang kesilapan pada GRN hendaklah dikuiiri dan sekiranya memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Adalah diingatkan bahawa **setiap GRN perlu diselesaikan sehingga peringkat pembayaran dalam masa 14 hari dari tarikh GRN (penerimaan barang) dilakukan.**
- Untuk tujuan pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui modul Perolehan sistem iGFMAS. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun Puan Khairus Salwa Binti Mohd Samsury di talian 07-2249244 di sambungan 1061 atau email ke akaun_jhr@anm.gov.my
- Perhatian dan kerjasama awal pihak YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A(M))

b/p Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor